

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقر

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021

LIVE HD

## LIVE@PTAR

Islam Dalam Perlembagaan  
Persekutuan

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

*Silence No More*

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

*Cat Parenting 101*

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

## WEBINAR

*Cyberbully*



PTAR Cawangan Rembau - muka 11

## BICARA HARI PUSTAKAWAN

Pustakawan Muda & Norma Baharu

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24





Satu sesi "Engagement PTAR bersama pelajar KOR Kesatria Kembara (HBU135B)" telah diadakan pada 18 Jun 2021 melalui platform Google Meet. Sesi yang diadakan selama 2 jam ini bermula pada jam 3.00 petang dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Hayati Mokhtaram dan diteruskan dengan pengenalan ringkas tentang Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sesi ini bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan PTAR serta mendapatkan maklum balas pelajar bagi membuat penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan PTAR. Selain daripada pengenalan ringkas tentang perpustakaan, peserta-peserta juga diberikan taklimat tentang perkhidmatan perpustakaan yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi dan taklimat perkhidmatan perpustakaan digital pula diberikan oleh Encik Nurulizwan Amir.

Di akhir sesi taklimat, para peserta menyertai kuiz Kahoot berkenaan perkhidmatan PTAR yang telah disediakan oleh Unit Perkhidmatan Pelanggan Kampus Permatang Pauh. Kuiz ini sekaligus dapat menguji tahap pemahaman dan pengetahuan peserta tentang perkhidmatan yang telah disediakan.

Taklimat dengan penyertaan seramai lebih kurang 40 orang peserta ini diharap dapat memberi sedikit gambaran yang lebih jelas kepada para pelajar tentang pekhidmatan perpustakaan selain menggalakkan mereka menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan di dalam sesi ODL masing-masing.